




AKIDAH: 99 NAMA ALLAH BAHAGIAN 3

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Mengenali dan Menghafaz 99 nama Allah SWT:** Peserta dapat menyebut dan mengingat kesemua 99 Asmaul Husna dengan tepat berserta maknanya masing-masing.
- b) **Menghayati kesempurnaan dan keagungan Allah SWT:** Peserta mampu menjelaskan maksud di sebalik setiap nama Allah dan memahami sifat Allah SWT yang terkandung dalam nama-nama tersebut serta mengambil pengajaran daripada Asmaul Husna dengan menyedari keagungan, kebesaran dan kesempurnaan Allah SWT.
- c) **Mengamalkan nilai-nilai daripada pembelajaran nama-nama Allah:** Peserta mempraktikkan aplikasi nama-nama Allah dalam kehidupan harian dengan meneladani sifat-sifat mulia pada tahap yang sesuai bagi manusia serta membanyakkan doa dan zikir menyeru Allah SWT melalui Asmaul Husna.

SESI PERTAMA

NAMA-NAMA ALLAH 67-72

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asmaul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 67 hingga 72.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Wahid (الواحد) – Maha Esa
- As-Samad (الصمد) – Yang Menjadi Tumpuan dan Sandaran Sekalian Makhluk
- Al-Qadir (القادر) – Maha Berkuasa
- Al-Muqtadir (المقتدر) – Maha Berkuasa Menentukan Sesuatu
- Al-Muqaddim (المقدم) – Yang Memulakan Wujudnya Sesuatu
- Al-Mu'akhkhir (المؤخر) – Maha Mengakhirkan

SESI PERTAMA: NAMA-NAMA ALLAH 67-72

67. Al-Wahid (الواحد) – Maha Esa

Nama Al-Wahid menunjukkan keesaan Allah. Tiada sekutu bagi-Nya dan tiada sesuatu pun yang menyamai-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, “Al-Wahid ialah yang tidak terbahagi dan tidak mempunyai yang kedua. Adapun yang tidak terbahagi seperti satu jauhar yang tidak boleh dibahagi-bahagikan, maka dikatakan ia satu dengan makna tiada bahagian padanya. Demikian juga titik, tiada bahagian baginya. Dan Allah Taala Maha Esa dengan makna mustahil dibayangkan pembahagian pada zat-Nya.

Adapun yang tidak mempunyai yang kedua, maka ia adalah yang tiada tandingan baginya seperti matahari misalnya. Walaupun matahari boleh dibayangkan terbahagi dan pada zatnya terdiri daripada bahagian-bahagian kerana ia termasuk dalam kategori jasad, namun tiada sesuatu yang setanding dengannya. Akan tetapi, masih mungkin ada yang seumpamanya. Maka, jika terdapat dalam wujud ini suatu yang tersendiri pada kewujudannya dengan keunikan yang langsung tidak dapat dikongsi oleh selainnya, maka itulah al-Wahid secara mutlak sejak azali dan selama-lamanya.”¹

Allah berfirman:

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa.”

(Surah al-Baqarah 2: 163)

Nama Al-Wahid mengukuhkan tauhid dan membersihkan hati daripada segala bentuk syirik.

68. As-Samad (الصمد) – Yang Menjadi Tumpuan dan Sandaran Sekalian Makhluk

Nama As-Samad menunjukkan bahawa Allah adalah tumpuan dan sandaran segala makhluk dalam memenuhi keperluan mereka, sedangkan Dia sendiri tidak bergantung kepada sesiapa pun.

Kata Imam al-Ghazali, *“As-Samad ialah yang menjadi pergantungan manusia dalam segala keperluan dan menjadi tujuan dalam segala harapan kerana kepada-Nya berakhir segala kemuliaan. Sesiapa yang dijadikan oleh Allah sebagai tempat hamba-hamba-Nya merujuk dalam urusan penting agama dan dunia mereka serta Allah menjadikan keperluan makhluk disampaikan melalui tangan dan lisannya, maka dia telah dikurniakan sebahagian daripada makna sifat ini. Namun, As-Samad yang secara mutlak menjadi tujuan dalam seluruh keperluan dan itulah Allah semata-mata.*

Allah berfirman:

اللَّهُ الصَّمَدُ

Maksudnya: “Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat.”

(Surah al-Ikhlâs 112: 2)

Nama As-Samad menanam keyakinan bahawa pada setiap liku kehidupan hanya kepada Allahlah sandaran dan tumpuan bagi sekalian makhluk.

69. Al-Qadir (القادر) – Maha Berkuasa

Nama Al-Qadir menunjukkan bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Tiada sesuatu pun yang berada di luar kekuasaan-Nya dan tiada sesuatu pun yang mampu menghalang kehendak-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Qadir ialah yang mempunyai kekuasaan atas sesuatu. Allah menyifatkan diri-Nya sebagai berkuasa atas segala sesuatu, yakni tidak menimpa-Nya kelemahan dan tidak juga kelesuan. Al-Qadir juga boleh membawa makna yang menentukan dan menetapkan sesuatu.”*²

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Baqarah 2: 20)

Nama Al-Qadir menanam keyakinan bahawa segala urusan berada dalam kekuasaan Allah, lalu membebaskan hati daripada ketakutan yang tidak sepatutnya atau berlebihan terhadap makhluk.

70. Al-Muqtadir (المقتدر) – Maha Berkuasa Menentukan Sesuatu

Nama Al-Muqtadir menekankan kekuasaan Allah yang sangat kuat dan sempurna.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Muqtadir ialah yang sempurna kekuasaan-Nya, yang tiada sesuatu pun mampu menghalang-Nya dan tiada sesuatu dapat mempertahankan diri daripada-Nya dengan kekuatan atau benteng. Bentuk katanya ialah mufta’il daripada perkataan al-qudrah (kekuasaan), namun “iqtidar” lebih kuat dan lebih umum maknanya kerana ia menunjukkan kekuasaan yang mutlak.”*³

Allah berfirman:

فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِكٍ مُّقْتَدِرٍ

Maksudnya: *“Di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan Yang Menguasai segala-galanya, lagi Yang Berkuasa melakukan sekehendak-Nya.”*

(Surah al-Qamar 54: 55)

Nama Al-Muqtadir memperkukuh keyakinan bahawa tiada kekuatan yang dapat menandingi kekuasaan Allah.

71. Al-Muqaddim (المقدم) – Yang Memulakan Wujudnya Sesuatu

Nama Al-Muqaddim menunjukkan bahawa Allah mendahulukan siapa yang Dia kehendaki dan meninggikan darjat sesiapa yang Dia kehendaki menurut hikmah-Nya.

Kata Imam al-Ghazali, “Al-Muqaddim dan al-Mu’akhkhir (nama Allah selepas ini) ialah yang mendekatkan dan menjauhkan. Sesiapa yang didekatkan oleh-Nya, maka Dia telah mendahulukannya. Sesiapa yang dijauhkan oleh-Nya, maka Dia telah mengemudikannya. Dia mendahulukan para nabi dan wali-Nya dengan mendekatkan serta memberi hidayah kepada mereka dan mengemudikan musuh-musuh-Nya dengan menjauhkan mereka serta meletakkan hijab antara Dia dengan mereka.”⁴

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Muqaddim dan Al-Mu’akhkhir ialah yang meletakkan segala sesuatu pada kedudukannya. Dia mendahulukan apa yang Dia kehendaki dan mengemudikan apa yang Dia kehendaki. Dia telah menetapkan segala takdir sebelum menciptakan makhluk dan mendahulukan sesiapa yang Dia cintai daripada para wali-Nya atas selain mereka daripada hamba-hamba-Nya. Dia meninggikan sebahagian makhluk atas sebahagian yang lain dalam beberapa darjat.

Dia mendahulukan sesiapa yang Dia kehendaki dengan taufik menuju kedudukan orang-orang yang terdahulu dan mengemudikan sesiapa yang Dia kehendaki daripada martabat mereka serta menghalang mereka daripadanya. Dia juga menangguhkan sesuatu daripada waktu yang dijangkakan kerana Dia mengetahui hikmah yang ada pada akibatnya. Tiada siapa dapat mendahulukan apa yang Dia kemudikan, dan tiada siapa dapat mengemudikan apa yang Dia dahulukan.”⁵

⁴ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 134.

⁵ *Sya’n al-Du’a’*, jil. 1, hlm. 86-87.

Nabi SAW apabila bangun malam untuk bertahajud, antara potongan bacaan yang Baginda baca ialah:

أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya: “Engkaulah Yang Mendahulukan dan Engkaulah Yang Mengemudiankan.
Tiada tuhan selain Engkau.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1120)

Nama Al-Muqaddim mengajar manusia bahawa segala kemuliaan, kemajuan dan kedudukan bukanlah semata-mata kerana hasil usaha diri sendiri, sebaliknya kerana Allahlah yang mendahulukan seseorang dengan taufik, ilmu, amal dan hidayah daripada-Nya. Justeru, seorang Mukmin tidak selayaknya sombong apabila diangkat darjatnya, bahkan sepatutnya semakin tunduk dan bersyukur kerana menyedari bahawa Allah yang membuka jalan baginya menuju kebaikan.

72. Al-Mu'akhkhir (المؤخر) – Maha Mengakhirkan

Nama Al-Mu'akhkhir menunjukkan bahawa Allah melambatkan atau menjauhkan sesuatu menurut hikmah-Nya. Dia berkuasa mendahulukan sesuatu, Dia juga berkuasa untuk mengakhirkan sesuatu.

Kata Imam al-Ghazali, “Al-Muqaddim dan al-Mu’akhkhir (nama Allah selepas ini) adalah yang mendekatkan dan menjauhkan. Sesiapa yang didekatkan oleh-Nya, maka Dia telah mendahulukannya. Dan sesiapa yang dijauhkan oleh-Nya, maka Dia telah mengemudikannya. Dia mendahulukan para nabi dan wali-Nya dengan mendekatkan serta memberi hidayah kepada mereka dan mengemudikan musuh-musuh-Nya dengan menjauhkan mereka serta meletakkan hijab antara Dia dengan mereka.”⁶

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Muqaddim dan Al-Mu’akhkhir ialah yang meletakkan segala sesuatu pada kedudukannya. Dia mendahulukan apa yang Dia kehendaki dan mengemudikan apa yang Dia kehendaki. Dia telah menetapkan segala takdir sebelum menciptakan makhluk dan mendahulukan sesiapa yang Dia cintai daripada para wali-Nya atas selain mereka daripada hamba-hamba-Nya. Dia meninggikan sebahagian makhluk atas sebahagian yang lain dalam beberapa darjat.

Dia mendahulukan sesiapa yang Dia kehendaki dengan taufik menuju kedudukan orang-orang yang terdahulu dan mengemudikan sesiapa yang Dia kehendaki daripada martabat mereka serta menghalang mereka daripadanya. Dia juga menangguhkan sesuatu daripada waktu yang dijangkakan kerana Dia mengetahui hikmah yang ada pada

⁶ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 134.

akibatnya. Tiada siapa dapat mendahulukan apa yang Dia kemudiankan dan tiada siapa dapat mengemudiankan apa yang Dia dahulukan.”⁷

Nabi SAW apabila bangun malam untuk bertahajud, antara potongan bacaan yang Baginda baca ialah:

أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya: “Engkaulah Yang Mendahulukan dan Engkaulah Yang Mengemudiankan. Tiada tuhan selain Engkau.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 1120)

Nama Al-Mu’akhkhir mengajar manusia supaya tidak tergesa-gesa mempertikaikan ketentuan Allah apabila sesuatu tertangguh atau seseorang masih belum mencapai apa yang diharapkannya. Allah mengemudiankan sesuatu dengan hikmah-Nya yang tersendiri. Seorang Mukmin perlu belajar untuk bersabar, bermuhasabah dan terus memperbaiki diri tanpa berputus asa daripada rahmat Allah.

⁷ Sya’n al-Du’a’, jil. 1, hlm. 86-87.

SESI KEDUA

NAMA-NAMA ALLAH 73 - 77

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asmaul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 73 hingga 77.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Awwal (الأول) – Yang Awal
- Al-Akhir (الآخر) – Yang Akhir
- Az-Zahir (الظاهر) – Yang Menzahirkan Kewujudan
- Al-Batin (الباطن) – Yang Menyembunyikan Kewujudan
- Al-Wali (الوالي) – Maha Memiliki dan Memerintah Sesuatu

SESI KEDUA: NAMA-NAMA ALLAH 73-77

73. Al-Awwal (الأول) – Yang Awal

Nama Al-Awwal menunjukkan bahawa Allah adalah Yang Pertama tanpa permulaan. Tiada sesuatu pun wujud sebelum-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Awwal ialah yang mendahului segala sesuatu, yang sentiasa wujud sebelum adanya makhluk. Maka, Dia berhak memiliki sifat yang awal kerana Dia wujud ketika belum ada sesuatu pun sebelum-Nya dan tiada sesuatu pun bersama-Nya.”*⁸

Kata Imam al-Ghazali pula, *“Apabila engkau melihat susunan kewujudan dan memerhatikan rangkaian makhluk yang bertingkat-tingkat, maka Allah Taala adalah Yang Awal berbanding semuanya kerana seluruh makhluk memperoleh kewujudan daripada-Nya. Adapun Dia, wujud dengan zat-Nya sendiri dan tidak memperoleh kewujudan daripada selain-Nya.”*⁹

Allah berfirman:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

⁸ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 87.

⁹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 135-136.

Maksudnya: *“Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Hadid 57: 3)

Nama Al-Awwal menanam kesedaran bahawa segala sesuatu bermula dengan Allah, bahkan mendahului kewujudan sesuatu yang lain, perancangan dan kekuatan makhluk. Manusia tidak seharusnya terlalu kagum dengan dirinya sendiri apabila berjaya mencapai sesuatu kerana sebelum usahanya bermula, Allah telah terlebih awal dahulu menyediakan jalan, memberi kemampuan dan membuka peluang baginya.

74. Al-Akhir (الآخر) – Yang Akhir

Nama Al-Akhir menunjukkan bahawa Allah adalah Yang Terakhir tanpa pengakhiran. Segala makhluk akan binasa, namun Allah tetap kekal dengan kesempurnaan-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Akhir ialah yang kekal selepas binasanya seluruh makhluk. Dan makna “Yang Akhir” bukanlah yang mempunyai pengakhiran, sebagaimana makna “Yang Awal” juga bukanlah yang mempunyai permulaan. Maka Dia ialah Yang Awal dan Yang Akhir, sedangkan bagi kewujudan-Nya tiada permulaan dan tiada pengakhiran.”¹⁰

Kata Imam al-Ghazali pula, “Apabila engkau melihat perjalanan menuju Allah serta memerhatikan tingkatan para salik menuju-Nya, maka Dia adalah Yang Akhir kerana Dia adalah tujuan terakhir yang dicapai oleh darjat para arifin. Setiap makrifah yang diperoleh sebelum mengenal Allah hanyalah tangga menuju makrifah kepada-Nya dan tujuan tertinggi ialah mengenal Allah SWT. Maka Dialah Yang Akhir dari sudut perjalanan menuju-Nya dan Yang Awal dari sudut kewujudan. Daripada-Nya segala permulaan bermula dan kepada-Nya segala kembali dan kesudahan berakhir.”¹¹

Allah berfirman:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Hadid 57: 3)

¹⁰ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 88.

¹¹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 136.

Nama al-Akhir menanam kesadaran bahawa hanya Allah yang kekal, sedangkan segala yang lain bersifat sementara. Segala perjalanan ini akhirnya akan kembali kepada Allah SWT juga.

75. Az-Zahir (الظاهر) – Yang Menzahirkan Kewujudan

Nama Az-Zahir menunjukkan bahawa Allah Maha Menzahirkan Kewujudan melalui tanda-tanda kekuasaan-Nya. Kewujudan dan keagungan-Nya jelas melalui alam ciptaan ini.

Kata Imam al-Khattabi, “Az-Zahir ialah yang nyata dengan hujah-hujah-Nya yang jelas, dalil-dalil-Nya yang terang dan tanda-tanda kebesaran-Nya yang menunjukkan bahawa Dialah Tuhan serta benarnya keesaan-Nya.”¹²

Allah berfirman:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Hadid 57: 3)

Nama Az-Zahir mendidik manusia agar sentiasa melihat alam ini dengan pandangan seorang hamba yang menyedari dan memuji tanda kebesaran Allah.

¹² Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 88.

76. Al-Batin (الباطن) – Yang Menyembunyikan Kewujudan

Nama Al-Batin menunjukkan bahawa Allah terlindung daripada penglihatan dan jangkauan akal makhluk. Walaupun tanda-tanda-Nya nyata, hakikat Zat-Nya tidak dapat dicapai oleh pancaindera.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Batin ialah yang terlindung daripada penglihatan makhluk. Dia jugalah yang tidak dapat dicapai hakikat kaifiyat-Nya oleh bayangan akal. Makna zahir dan batin juga boleh merujuk kepada keadaan-Nya yang terlindung daripada penglihatan mata orang yang melihat, namun tersingkap kepada mata hati orang yang berfikir dan merenung. Ia juga boleh bermaksud Dia mengetahui segala yang zahir daripada segala urusan dan mengetahui segala yang tersembunyi daripada perkara-perkara ghaib.”*¹³

Allah berfirman:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: *“Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Hadid 57: 3)

Nama Al-Batin menanam rasa tawaduk dalam memahami keterbatasan akal manusia dan sentiasa menyedari dan menginsafi bahawa Allah mengetahui segala apa yang batin dan tersimpan dalam diri manusia.

¹³ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 88.

77. Al-Wali (الوالى) – Maha Memiliki dan Memerintah Sesuatu

Nama al-Wali menunjukkan bahawa Allah adalah Pemilik, Penguasa, Pemerintah dan Pengatur segala urusan makhluk. Dia mentadbir alam dengan sistem yang sempurna dan tanpa sebarang kesalahan dan kesilapan.

Kata Imam al-Ghazali, *“Al-Wali ialah yang mentadbir urusan makhluk dan menguasainya, yakni yang mengurus serta memeliharanya. Seakan-akan sifat wilayah itu menghimpunkan makna tadbir, kekuasaan dan perbuatan. Sesiapa yang tidak terkumpul padanya seluruh makna tersebut, tidak layak dinamakan sebagai wali atau penguasa urusan. Tiada penguasa sebenar bagi segala urusan melainkan Allah SWT kerana Dialah yang secara mutlak mentadbir semuanya sejak awal, melaksanakan tadbir itu dengan sebenar-benarnya serta mengekalkan dan memeliharanya secara berterusan.”*¹⁴

Firman Allah:

﴿وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِۦٓ مِنۢ وَّالٍۭ﴾

Maksudnya: “Dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada mereka.”

(Surah al-Ra’d 13: 11)

¹⁴ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 141.

Kata Imam al-Qurtubi, "... yakni tempat berlindung. Inilah makna yang disebut oleh As-Suddi. Dan dikatakan juga: Tiada penolong yang dapat menghalang mereka daripada azab-Nya. Seorang penyair berkata:

مَا فِي السَّمَاءِ سِوَى الرَّحْمَنِ مِنْ وَالٍ

"Tiada di langit selain Ar-Rahman sebagai pelindung."

Dan perkataan *wāl* (وال) serta *wali* (ولي) adalah seperti *qadir* (قادر) dan *qadir* (قدير), keduanya membawa makna yang hampir sama."¹⁵

Nama al-Wali mendidik manusia agar menyedari bahawa seluruh pentadbiran alam berada di bawah tadbir Allah.

¹⁵ *Tafsir al-Qurtubi*, jil. 9, hlm. 295.

SESI KETIGA

NAMA-NAMA ALLAH 78 - 83

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 78 hingga 83.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Muta'ali (المتعالى) – Maha Tinggi dan Suci
- Al-Barr (البرّ) – Yang Menjadi Sumber Kebaikan
- At-Tawwab (التواب) – Yang Sentiasa Menerima Taubat
- Al-Muntaqim (المنتقم) – Yang Membalas dengan Seksa
- Al-'Afuw (العفو) – Maha Pemaaf
- Ar-Ra'uf (الرؤوف) – Maha Pemberi Kasih Sayang

SESI KETIGA: NAMA-NAMA ALLAH 78 - 83

78. Al-Muta'ali (المتعالى) – Maha Tinggi dan Suci

Nama Al-Muta'ali menunjukkan bahawa Allah Maha Tinggi dan Maha Suci daripada segala kekurangan dan penyerupaan dengan makhluk.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Muta'ali ialah yang Maha Suci daripada sifat-sifat makhluk. Dia Maha Tinggi daripada disifatkan dengan sifat-sifat tersebut.”*¹⁶

Allah berfirman:

عَلَّمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِ

Maksudnya: *“Dialah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dialah jua Yang Maha Besar, lagi Maha Tinggi (Yang mengatasi segala-galanya).”*

(Surah ar-Ra'd 13: 9)

Nama al-Muta'ali menanam rasa pengagungan dan kesucian terhadap Allah serta membersihkan hati daripada menyamakan-Nya dengan makhluk.

¹⁶ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 89.

79. Al-Barr (البر) – Yang Menjadi Sumber Kebaikan

Nama Al-Barr menunjukkan bahawa Allah Maha Baik dan Maha Berbuat Ihsan kepada hamba-hamba-Nya. Kebaikan-Nya meliputi pemberian nikmat, pengampunan dan rahmat yang berterusan walaupun manusia seringkali lalai dan melakukan dosa.

Imam al-Khattabi menjelaskan, *“Al-Barr adalah yang penuh kasih terhadap hamba-hamba-Nya dan yang berbuat ihsan kepada mereka. Dia melimpahkan kebaikan-Nya kepada seluruh makhluk-Nya dan tidak menahan rezeki-Nya daripada mereka.”*¹⁷

Allah berfirman:

إِنَّا كُنَّا مِنْ قَبْلُ نَدْعُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْبَرُّ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Sesungguhnya kami dahulu tetap menyembah-Nya (dan memohon pertolongan-Nya). Kerana sesungguhnya Dialah sahaja yang sentiasa melimpahkan ihsan-Nya, lagi Yang Maha Mengasihani.”

(Surah at-Tur 52: 28)

Nama al-Barr menanam rasa syukur dan mendorong hamba untuk membalas ihsan Allah dengan ketaatan.

¹⁷ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 89.

80. At-Tawwab (التَّوَّابُ) – Yang Sentiasa Menerima Taubat

Nama At-Tawwab menunjukkan bahawa Allah Maha Menerima Taubat dan sentiasa membuka ruang kembali kepada hamba-Nya. Penerimaan taubat ini berulang-ulang, selama mana hamba benar-benar kembali dengan penyesalan dan azam untuk memperbaiki diri.

Begitulah kata Imam al-Khattabi, *“At-Tawwab ialah yang menerima taubat hamba-Nya. Setiap kali taubat diulangi, penerimaan-Nya juga berulang.”*¹⁸

Kata Imam al-Ghazali, *“At-Tawwab adalah yang sentiasa memudahkan sebab-sebab taubat bagi hamba-hamba-Nya berulang kali, dengan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan-Nya, mengirimkan kepada mereka peringatan-peringatan-Nya serta menyingkapkan kepada mereka ancaman dan amaran-Nya. Sehingga apabila mereka mengetahui, melalui pengenalan daripada-Nya, keburukan dosa-dosa, lalu timbul rasa takut melalui amaran-Nya, mereka pun kembali bertaubat. Maka Allah kembali kepada mereka dengan penerimaan dan pengampunan-Nya.”*¹⁹

Allah berfirman:

أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ
وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: *“Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah, Dialah yang menerima taubat daripada hamba-hamba-Nya dan juga menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalasnya), dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?”*

(Surah at-Taubah 9: 104)

Nama At-Tawwab membangkitkan harapan dan menolak keputusan dalam jiwa para hamba.

¹⁸ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 89.

¹⁹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 139.

81. Al-Muntaqim (المنتقم) – Yang Membalas dengan Seksa

Nama Al-Muntaqim menunjukkan bahawa Allah membalas kezaliman dan kemungkaran dengan keadilan yang sempurna. Pembalasan ini berlaku menurut hikmah dan tidak didorong oleh emosi tetapi berdasarkan keadilan mutlak.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Muntaqim ialah yang sangat keras dalam memberikan hukuman kepada sesiapa yang Dia kehendaki.”*²⁰

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“Al-Muntaqim ialah yang menghancurkan kekuatan orang-orang yang melampaui batas, memberi balasan keras kepada para penjenayah dan memperberat hukuman terhadap orang-orang yang zalim dan melampaui batas. Hal itu dilakukan setelah diberikan alasan, peringatan, peluang dan tempoh. Bahkan penangguhan hukuman itu lebih kuat kesannya dalam pembalasan berbanding disegerakan hukuman kerana jika seseorang segera dihukum, dia tidak sempat bertaubat dan terus tenggelam dalam maksiat sehingga mencapai tahap yang menyebabkan dia layak menerima hukuman yang paling berat.”*²¹

Allah berfirman:

فَإِمَّا نَذْهَبَنَّ بِكَ فَإِنَّا مِنْهُمْ مُنْتَقِمُونَ

Maksudnya: *“Oleh itu (bertenanglah engkau, kerana) kalaulah Kami wafatkan engkau (sebelum Kami perlihatkan kepadamu azab yang akan menimpa mereka), maka sesungguhnya Kami tetap menyeksakan mereka.”*

(Surah al- Zukhruf 43: 41)

Nama al-Muntaqim menanam rasa takut yang seimbang dengan harapan serta mengingatkan bahawa Allah pasti akan menegakkan keadilan.

²⁰ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 90.

²¹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 139-140.

82. Al-'Afuw (العفو) – Maha Pemaaf

Nama Al-'Afuw menunjukkan bahawa Allah mengampuni, bahkan menghapus kesan dosa sehingga dosa tersebut seolah-olah tidak pernah berlaku. Ia lebih mendalam daripada sekadar menutup kesalahan.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-'afuw berada pada wazan fa'ul daripada perkataan al-'afw, iaitu bentuk yang menunjukkan sangat banyak memberi kemaafan. Al-'afw bermaksud memaafkan dosa dan meninggalkan pembalasan terhadap orang yang melakukan kesalahan.*

Dikatakan juga bahawa perkataan al-'afw diambil daripada ungkapan “angin menghapuskan kesan,” apabila angin itu memadam dan menghilangkannya. Maka, orang yang memaafkan dosa seolah-olah menghapuskan dosa tersebut dengan kemaafannya.”²²

Allah berfirman:

فَأُولَٰئِكَ عَسَىٰ اللَّهُ أَن يَعْفُوَ عَنْهُمْ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا غَفُورًا

Maksudnya: *“Maka mereka (yang demikian sifatnya), mudah-mudahan Allah memaafkan mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.”*

(Surah an-Nisa' 4: 99)

Nama Al-'Afuw menanam harapan bahawa taubat yang ikhlas bukan sahaja diampuni, bahkan dihapuskan kesannya. Bahkan juga pengajaran untuk seseorang hamba itu bersifat memaafkan orang lain yang berbuat salah kepadanya.

²² Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 90-91.

83. Ar-Ra'uf (الرؤوف) – Maha Pemberi Kasih Sayang

Nama Ar-Ra'uf menunjukkan bahawa Allah memberikan kasih sayangnya terhadap hamba-hamba-Nya. Belas kasihan ini sangat lembut dan mendalam, lebih daripada sekadar rahmat umum.

Kata Imam al-Khattabi, *“Ar-Ra'uf ialah Yang Maha Pengasih lagi penuh belas kasihan terhadap hamba-hamba-Nya. Sebahagian ulama berkata bahawa ra'fah ialah rahmat yang paling mendalam dan paling lembut. Dikatakan juga bahawa ra'fah lebih khusus, sedangkan rahmat lebih umum. Kadang-kadang rahmat boleh berlaku dalam sesuatu yang dibenci kerana adanya maslahat, namun ra'fah hampir tidak berlaku dalam perkara yang menyakitkan atau dibenci. Inilah perbezaan antara kedua-duanya.”*²³

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَّءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada orang-orang (yang beriman).”

(Surah al-Baqarah 2: 143)

Nama Ar-Ra'uf menanam rasa kasih dan kebergantungan kepada Allah yang penuh kasih sayang dan belas ihsan.

²³ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 91.

SESI KEEMPAT

NAMA-NAMA ALLAH 84 - 88

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asmaul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 84 hingga 88.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Malik al-Mulk (مالك الملك) – Pemilik Mutlak Segala Kekuasaan
- Dhu al-Jalali wal-Ikram (ذو الجلال والإكرام) – Pemilik Keagungan dan Kemuliaan
- Al-Muqsit (المقيسط) – Yang Maha Adil dan Saksama
- Al-Jami' (الجامع) – Maha Penghimpun
- Al-Ghaniyy (الغني) – Maha Kaya

SESI KEEMPAT: NAMA-NAMA ALLAH 84-88

84. Malik Al-Mulk (مالك الملك) – Pemilik Mutlak Segala Kekuasaan

Nama Malik Al-Mulk menunjukkan bahawa Allah ialah Pemilik mutlak seluruh kerajaan dan kekuasaan. Segala pemerintahan, harta dan kekuatan hanyalah pinjaman sementara daripada-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, “*Malik Al-Mulk bermaksud bahawa segala kerajaan berada di tangan-Nya. Dia memberikan kerajaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki.*”²⁴

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, “*Malik al-Mulk ialah yang melaksanakan kehendak-Nya dalam kerajaan-Nya menurut apa yang Dia kehendaki dan bagaimana Dia kehendaki, sama ada mencipta, melenyapkan, mengekalkan atau memusnahkan. “Al-Mulk” di sini bermaksud kerajaan/seluruh alam kekuasaan, manakala “al-Malik” bermaksud yang memiliki kekuasaan yang sempurna.*”²⁵

Allah berfirman:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَن تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّن تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), ‘Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau

²⁴ Sya’n al-Du’a’, jil. 1, hlm. 91.

²⁵ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 140-141.

kehendaki dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 26)

Nama Malik Al-Mulk menanam kesedaran bahawa kekuasaan manusia terbatas dan sementara. Kekuasaan Allahlah kekuasaan sebenar dan selamanya.

85. Dhu al-Jalali wal-Ikram (ذو الجلال والإكرام) – Pemilik Keagungan dan Kemuliaan

Nama ini menunjukkan bahawa Allah memiliki keagungan dan kemuliaan. Keagungan-Nya menimbulkan rasa takut dan hormat, manakala kemuliaan dan kemurahan-Nya melahirkan rasa cinta dan harapan.

Kata Imam al-Ghazali, *“Dhu al-Jalal wa al-Ikram ialah yang tiada keagungan dan kesempurnaan melainkan semuanya milik-Nya dan tiada kemuliaan serta kemakmuran melainkan semuanya berpunca daripada-Nya. Maka, keagungan itu milik-Nya pada zat-Nya dan segala kemuliaan melimpah daripada-Nya kepada makhluk-Nya. Bentuk-bentuk pemuliaan-Nya terhadap makhluk hampir tidak dapat dihitung dan tidak berpenghujung.”*²⁶

Allah berfirman:

تَبَرُّكَ اسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: *“Maha Sucilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.”*

(Surah ar-Rahman 55: 78)

Nama ini menggabungkan rasa takut kepada Allah dan rasa pengharapan juga kepada-Nya dalam hubungan seorang hamba dengan Allah.

²⁶ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 141.

86. Al-Muqsit (المقسط) – Yang Maha Adil dan Saksama

Nama Al-Muqsit menunjukkan bahawa Allah Maha Adil dalam memberikan hak dan menghukum dengan saksama. Dia meletakkan segala sesuatu pada tempatnya tanpa kezaliman.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Muqsit ialah yang adil dalam hukum-Nya, tidak berlaku zalim dan tidak menyimpang daripada keadilan.”*²⁷

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“Al-Muqsit ialah yang menegakkan keadilan bagi orang yang dizalimi terhadap orang yang menzalimi. Bahkan termasuk kesempurnaan keadilan dan kesaksamaan bahawa Dia mampu menghimpunkan sekali antara keredaan orang yang dizalimi dan keredaan orang yang menzalimi. Hal seperti itu tidak mampu dilakukan melainkan oleh Allah SWT.”*²⁸

Allah berfirman:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: “Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Ma'idah 5: 18)

²⁷ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 92.

²⁸ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 142.

Firman Allah lagi:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكْلُونَ لِّلْسِحْتِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ
تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya: “Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu, kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah) atau berpalinglah daripada mereka; dan kalau engkau berpaling daripada mereka, maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikit pun; dan jika engkau menghukum, maka hukumlah di antara mereka dengan adil kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

(Surah al-Ma'idah 5: 42)

Nama Al-Muqsiṭ menanam keyakinan bahawa keadilan Allah sempurna dan tidak pernah sesekali menyimpang daripada landasan keadilan tersebut.

87. Al-Jami' (الجامع) – Maha Penghimpun

Nama Al-Jami' menunjukkan bahawa Allah mengumpulkan makhluk pada hari kebangkitan dan juga menghimpunkan segala sifat kesempurnaan dalam diri-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Jami’ ialah yang menghimpunkan seluruh makhluk pada suatu hari yang tiada keraguan padanya, setelah roh-roh berpisah daripada jasad dan setelah anggota-anggota tubuh serta para sahabat dan pasangan berpecah-belah untuk membalas orang-orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan, dan membalas orang-orang yang berbuat baik dengan balasan yang terbaik.

Dikatakan juga bahawa Al-Jami’ ialah yang menghimpunkan segala kelebihan, merangkumi seluruh kemuliaan dan sifat-sifat terpuji.”²⁹

Allah berfirman:

﴿رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan sekalian manusia untuk (menerima balasan pada) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada syak padanya.”

(Surah Ali ‘Imran 3: 9)

Nama Al-Jami' mendidik manusia bahawa seluruh manusia akhirnya akan dihimpunkan kembali di hadapan Allah untuk dihisab dan diberikan pembalasan yang adil.

²⁹ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 92.

88. Al-Ghaniyy (الغنى) – Maha Kaya

Nama Al-Ghaniyy menunjukkan bahawa Allah Maha Kaya dan tidak berhajat kepada sesiapa pun. Segala makhluk bergantung kepada-Nya, sedangkan Dia tidak bergantung kepada apa-apa.

Kata Imam al-Khattabi, “Al-Ghaniyy ialah yang tidak berhajat kepada makhluk dan tidak memerlukan pertolongan serta sokongan mereka untuk kekuasaan-Nya. Dia sama sekali tidak memerlukan mereka, sedangkan merekalah yang berhajat dan bergantung kepada-Nya.”³⁰

Allah berfirman:

هَآأَنُتُمْ هَؤُلَاءِ تُدْعَوْنَ لِتُنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنْكُمْ مَّنْ يَبْخُلُ وَمَنْ يَبْخُلْ فَإِنَّمَا
يَبْخُلُ عَنِ نَفْسِهِ ۗ وَاللَّهُ الْغَنِيُّ وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ ۚ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا يَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ ثُمَّ
لَا يَكُونُوا أَمْثَلَكُمْ

Maksudnya: “(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian - kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil, maka sesungguhnya ia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. Dan (ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepada-Nya dalam segala hal). Dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan berderma) Ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

(Surah Muḥammad 47: 38)

Nama Al-Ghaniyy menanam kesedaran bahawa manusia sentiasa berhajat kepada Allah.

³⁰ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 92-93.

SESI KELIMA

NAMA-NAMA ALLAH 89 - 94

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asma'ul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 89 hingga 94.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Mughni (المغني) – Maha Pemberi Kekayaan
- Al-Mani' (المانع) – Maha Menegah
- Ad-Darr (الضرار) – Maha Mendatangkan Kemudaratan
- An-Nafi' (النافع) – Maha Memberi Manfaat
- An-Nur (النور) – Cahaya yang Menerangi
- Al-Hadi (الهادي) – Maha Pemberi Hidayah

SESI KELIMA: NAMA-NAMA ALLAH 89-94

89. Al-Mughni (المغنى) – Maha Pemberi Kekayaan

Nama Al-Mughni menunjukkan bahawa Allah memberi kecukupan dan kekayaan kepada hamba-hamba-Nya menurut hikmah-Nya. Dia yang melapangkan rezeki dan mencukupkan keperluan.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Mughni ialah yang mencukupkan segala kekurangan makhluk, mengalirkan rezeki kepada mereka dan menjadikan mereka tidak berhajat kepada selain-Nya.”*³¹

Allah berfirman:

وَأَنَّهُ هُوَ أَغْنَىٰ وَأَقْنَىٰ

Maksudnya: *“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang memberikan (sesiapa yang dikehendaki-Nya) apa yang diperlukannya dan memberikannya tambahan yang boleh disimpan.”*

(Surah Muhammad 53: 48)

Nama Al-Mughni mendidik manusia agar memohon kecukupan daripada Allah dan tidak terlalu bergantung kepada makhluk.

³¹ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 93.

90. Al-Mani' (المانع) – Maha Menegah

Nama Al-Mani' menunjukkan bahawa Allah berkuasa menahan, melindungi serta menghalang sesuatu daripada berlaku menurut hikmah-Nya. Jika Dia memberi, tiada yang dapat menghalang; dan jika Dia menahan, tiada yang mampu memaksa pemberian-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Mani’ ialah penolong yang melindungi para wali-Nya, yakni yang menjaga dan membantu mereka menghadapi musuh-musuh mereka. Dikatakan: “Seseorang itu berada dalam perlindungan kaumnya,” yakni dalam kelompok yang melindungi dan menjaganya.*

Al-Mani’ juga membawa makna menahan dan tidak memberi kepada orang yang tidak layak menerima pemberian.”³²

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“Al-Mani’ ialah yang menolak sebab-sebab kebinasaan dan kekurangan dalam agama serta tubuh badan melalui apa yang Dia ciptakan daripada sebab-sebab yang menjadi jalan kepada pemeliharaan.”³³*

³² Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 93.

³³ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 144.

Warrad, penulis kepada al-Mughirah bin Syu'bah bin al-Mughirah menyebutkan bahawa al-Mughirah memintanya untuk menulis kepada Muawiyah bahawa Nabi SAW pada penghujung solat fardu akan membaca:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ. وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ
الْجَدُّ.

Maksudnya: “Tiada Tuhan melainkan Allah semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya. Milik-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya segala pujian dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, tiada siapa yang dapat menghalang apa yang Engkau berikan dan tiada siapa yang dapat memberi apa yang Engkau halang. Dan tidak berguna bagi orang yang mempunyai kekayaan atau kedudukan, segala kekayaan dan kedudukannya di sisi-Mu.”

(Riwayat al-Bukhari, no. 844)

Nama Al-Mani' mendidik manusia agar reda apabila sesuatu tidak diperoleh atau tertangguh dalam kehidupan kerana boleh jadi Allah sedang melindunginya daripada keburukan yang tidak diketahuinya.

91. Ad-Darr (الضار) – Maha Mendatangkan Kemudaratan

Nama Ad-Darr menunjukkan bahawa Allah berkuasa mendatangkan mudarat menurut keadilan dan hikmah-Nya. Tiada kemudaratan berlaku kecuali dengan izin-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, “Ad-Darr dan An-Nafi’: Kedua-dua nama ini baik disebut bersama kerana pada gabungan kedua-duanya terdapat sifat kekuasaan Allah untuk memberi manfaat kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan memberi mudarat kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Hal ini kerana sesiapa yang tidak berkuasa memberi manfaat dan mudarat, maka dia tidak akan menjadi tempat harapan dan juga tidak menjadi sesuatu yang ditakuti.

Pada nama ini juga terdapat penetapan bahawa kebaikan dan keburukan semuanya datang daripada Allah ‘Azzawajalla.

Boleh juga difahami bahawa maknanya ialah Dia menukar sesuatu yang memudaratkan menjadi manfaat dengan kelembutan hikmah-Nya. Maka, Dia boleh menyembuhkan dengan racun yang membunuh apabila Dia kehendaki, sebagaimana Dia juga boleh mematikan dengannya apabila Dia kehendaki supaya diketahui bahawa sebab-sebab itu hanya memberi manfaat atau mudarat apabila kehendak Allah berkait dengannya.”³⁴

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, “Ad-Darr dan An-Nafi’ ialah yang daripada-Nya terbit segala kebaikan dan keburukan, manfaat dan mudarat. Semua itu dinisbahkan kepada Allah Taala sama ada melalui perantaraan malaikat, manusia dan benda-benda mati ataupun tanpa perantaraan.

³⁴ Sya’n al-Du’a’, jil. 1, hlm. 94-95.

Maka, janganlah engkau menyangka bahawa racun membunuh dan memudaratkan melalui dirinya sendiri atau makanan mengenyangkan dan memberi manfaat melalui dirinya sendiri. Jangan juga engkau menyangka bahawa malaikat, manusia, syaitan atau sesuatu daripada makhluk seperti falak, bintang dan selainnya mampu memberi kebaikan, keburukan, manfaat atau mudarat melalui dirinya sendiri. Bahkan semuanya hanyalah sebab-sebab yang ditundukkan, yang tidak menghasilkan sesuatu melainkan apa yang telah ditundukkan baginya.”³⁵

Firman Allah:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ
لَأَسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Katakanlah, ‘Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah al-A'raf 7: 188)

³⁵ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 145.

Daripada Ibnu Abbas, Nabi SAW bersabda:

وَاعْلَمَ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ. وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ.

Maksudnya: “Ketahuilah, jika seluruh umat berkumpul untuk memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu, mereka tidak akan dapat memberi manfaat melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan bagimu. Dan jika mereka berkumpul untuk memudaratkanmu dengan sesuatu, mereka tidak akan dapat memudaratkanmu melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan ke atasmu.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 2685)³⁶

Nama Ad-Darr mendidik manusia agar menyadari bahawa segala ujian, kesusahan dan kemudharatan berlaku dengan izin serta hikmah Allah, bukan secara kebetulan atau di luar kekuasaan-Nya.

³⁶ Menurut al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih.

92. An-Nafi' (النافع) – Maha Memberi Manfaat

Nama An-Nafi' menunjukkan bahawa Allah ialah Pemberi manfaat dan kebaikan. Segala kebaikan dan manfaat yang diterima manusia datang daripada kurnia-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, “Ad-Darr dan An-Nafi’: Kedua-dua nama ini baik disebut bersama kerana pada gabungan kedua-duanya terdapat sifat kekuasaan Allah untuk memberi manfaat kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan memberi mudarat kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Hal ini demikian kerana sesiapa yang tidak berkuasa memberi manfaat dan mudarat, maka dia tidak akan menjadi tempat harapan dan juga tidak menjadi sesuatu yang ditakuti.

Pada nama ini juga terdapat penetapan bahawa kebaikan dan keburukan semuanya datang daripada Allah ‘Azzawajalla.

Boleh juga difahami bahawa maknanya ialah Dia menukar sesuatu yang memudaratkan menjadi manfaat dengan kelembutan hikmah-Nya. Maka, Dia boleh menyembuhkan dengan racun yang membunuh apabila Dia kehendaki, sebagaimana Dia juga boleh mematikan dengannya apabila Dia kehendaki supaya diketahui bahawa sebab-sebab itu hanya memberi manfaat atau mudarat apabila kehendak Allah berkait dengannya.”³⁷

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, “Ad-Darr dan An-Nafi’ membawa makna terbit daripada-Nya segala kebaikan dan keburukan, manfaat dan mudarat. Semua itu dinisbahkan kepada Allah Taala, sama ada melalui perantaraan malaikat, manusia dan benda-benda mati ataupun tanpa perantaraan.

³⁷ Sya’n al-Du’a’, jil. 1, hlm. 94-95.

Maka, janganlah engkau menyangka bahwa racun membunuh dan memudaratkan melalui dirinya sendiri atau makanan mengenyangkan dan memberi manfaat melalui dirinya sendiri. Jangan juga engkau menyangka bahwa malaikat, manusia, syaitan atau sesuatu daripada makhluk seperti falak, bintang dan selainnya mampu memberi kebaikan, keburukan, manfaat atau mudarat melalui dirinya sendiri. Bahkan semuanya hanyalah sebab-sebab yang ditundukkan, yang tidak menghasilkan sesuatu melainkan apa yang telah ditundukkan baginya.”³⁸

Firman Allah:

قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ
لَأَسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Katakanlah, ‘Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah. Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan. Aku ini tidak lain hanyalah (Pesuruh Allah) yang memberi amaran (bagi orang-orang yang ingkar) dan membawa berita gembira bagi orang-orang yang beriman.”

(Surah al-A'raf 7: 188)

³⁸ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 145.

Daripada Ibnu Abbas, Nabi SAW bersabda:

وَاعْلَمَنَّ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوْ اجْتَمَعَتْ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ. وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ، لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ.

Maksudnya: “Ketahuilah, jika seluruh umat berkumpul untuk memberi manfaat kepadamu dengan sesuatu, mereka tidak akan dapat memberi manfaat melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan bagimu. Dan jika mereka berkumpul untuk memudaratkanmu dengan sesuatu, mereka tidak akan dapat memudaratkanmu melainkan dengan sesuatu yang telah Allah tetapkan ke atasmu.”

(Riwayat al-Tirmizi, no. 2685)³⁹

Nama An-Nafi’ mendidik manusia agar menyadari bahawa segala manfaat, kebaikan dan keberkatan hakikatnya datang daripada Allah, walaupun ia sampai melalui pelbagai sebab dan perantaraan.

³⁹ Menurut al-Tirmizi, hadis ini hasan sahih.

93. An-Nur (النور) – Cahaya Yang Menerangi

Nama An-Nur menunjukkan bahawa Allah menerangi langit dan bumi, memberikan hidayah dan petunjuk kepada hati-hati manusia.

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, “An-Nur ialah yang Maha Nyata, yang dengan-Nya segala sesuatu menjadi nyata. Sesuatu yang nyata pada dirinya dan menzahirkan selainnya dinamakan cahaya.

Apabila kewujudan dibandingkan dengan ketiadaan, maka sudah pasti kewujudan itulah yang nyata. Tiada kegelapan yang lebih gelap daripada ketiadaan. Maka, Dia yang suci daripada kegelapan ketiadaan, bahkan suci daripada kemungkinan tiada serta yang mengeluarkan segala sesuatu daripada kegelapan ketiadaan kepada cahaya kewujudan, sangat layak dinamakan sebagai an-Nur.”⁴⁰

Allah berfirman:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُّورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah ‘misykaat’ yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (kandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak daripada pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang

⁴⁰ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 146.

demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): Cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang dan peraturan-Nya) kepada nur hidayah-Nya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah an-Nur 24: 35)

Nama an-Nur mendidik manusia agar sentiasa mencari cahaya petunjuk daripada Allah dalam kehidupan. Hati yang jauh daripada hidayah akan tenggelam dalam kegelapan syahwat, kekeliruan dan kelalaian.

94. Al-Hadi (الهادي) – Maha Pemberi Hidayah

Nama Al-Hadi menunjukkan bahawa Allah adalah Pemberi petunjuk kepada jalan yang benar. Dia membimbing hati manusia kepada iman dan kebenaran.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Hadi ialah yang mengurniakan petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada kalangan hamba-Nya. Dia mengkhususkan mereka dengan hidayah-Nya dan memuliakan mereka dengan cahaya tauhid-Nya.”*⁴¹

Firman Allah:

وَاللَّهُ يَدْعُوْا إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: *“(Itulah kesudahan kehidupan dunia), dan sebaliknya Allah menyeru manusia ke tempat kediaman yang selamat sentosa, dan Dia sentiasa memberi petunjuk hidayah-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) ke jalan yang betul lurus (yang selamat itu).”*

(Surah Yunus 10: 25)

Nama Al-Hadi mendidik manusia agar sentiasa bergantung kepada Allah dalam mencari petunjuk dan kebenaran. Hidayah merupakan anugerah daripada Allah kepada hati yang dikehendaki-Nya.

⁴¹ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 95-96.

SESI KEENAM

NAMA-NAMA ALLAH 95 – 99 & PENUTUP

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang pengenalan berkenaan Asmaul Husna dan kefahaman nama-nama Allah, 95 hingga 99 dan sesi penutup.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Al-Badi' (البدیع) – Maha Pencipta Sesuatu daripada Tiada
- Al-Baqi (الباقی) – Yang Berkekalan
- Al-Warith (الوارث) – Yang Kekal Memusakai
- Ar-Rashid (الرشيد) – Maha Memberi Petunjuk Kebenaran
- As-Sabur (الصبور) – Maha Penyabar
- Penutup

SESI KEENAM: NAMA-NAMA ALLAH 95-99 & PENUTUP

95. Al-Badi' (الْبَدِيع) – Maha Pencipta Sesuatu daripada Tiada

Nama Al-Badi' menunjukkan bahawa Allah mencipta sesuatu yang baharu tanpa contoh sebelumnya. Keunikan dan keindahan ciptaan adalah bukti kehebatan penciptaan Allah yang tidak terbatas.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Badi' ialah yang menciptakan makhluk dan mengadakannya sebagai pencipta yang mengadakan sesuatu tanpa contoh yang terdahulu. Dia menciptakannya bukan berdasarkan model atau rupa yang pernah ada sebelumnya.”*⁴²

Firman Allah:

بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya: *“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila Ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka Ia hanya berfirman kepadanya, ‘Jadilah engkau!’ Lalu menjadilah ia.”*

(Surah al-Baqarah 2: 117)

Nama Al-Badi' mendidik manusia agar sentiasa melihat alam dan kehidupan dengan rasa kagum akan kebesaran Allah kerana setiap ciptaan-Nya mengandungi keunikan, ketelitian dan hikmah yang tidak mampu ditandingi oleh manusia.

⁴² Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 96.

96. Al-Baqi (الباقى) – Yang Berkekalan

Nama Al-Baqi menunjukkan bahawa Allah Maha Kekal dan tidak akan binasa. Segala makhluk akan musnah tetapi Allah tetap wujud selama-lamanya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Baqi ialah yang tidak ditimpa oleh sebarang keadaan yang membawa kepada lenyap atau binasa. Dialah yang kekal-Nya tidak berpenghujung dan tidak terbatas.”*⁴³

Firman Allah:

وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: *“Dan akan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.”*

(Surah ar-Rahman 55: 27)

Nama Al-Baqi mendidik manusia agar tidak terlalu bergantung dan terikat kepada dunia yang bersifat sementara kerana segala yang dimiliki manusia akhirnya akan lenyap dan kembali kepada Allah.

⁴³ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 96.

97. Al-Warith (الوارث) – Yang Kekal Memusakai

Nama Al-Warith menunjukkan bahawa Allah ialah Pewaris mutlak selepas semua makhluk binasa. Segala yang dimiliki manusia akhirnya kembali kepada-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Al-Warith ialah yang kekal selepas binasanya seluruh makhluk dan yang mengambil kembali segala pemilikan serta harta pusaka mereka selepas kematian mereka. Allah sentiasa kekal sebagai pemilik asal segala sesuatu. Dia mewariskannya kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan menjadikan sesiapa yang Dia kehendaki sebagai pengganti padanya.”*⁴⁴

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“Al-Warith ialah yang kepada-Nya kembali segala pemilikan setelah para pemilik binasa. Itulah Allah SWT kerana Dialah yang kekal selepas seluruh makhluk fana. Kepada-Nya kembali segala sesuatu dan kepada-Nya tempat kesudahan semuanya.”*⁴⁵

Firman Allah:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَرْيَةٍ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا فَتِلْكَ مَسْكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَنْ مِنْ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا وَكُنَّا نَحْنُ الْوَارِثِينَ

Maksudnya: *“Dan berapa banyak Kami binasakan negeri-negeri yang penduduknya telah berlaku sombong dan tidak bersyukur dalam kehidupannya (yang serba mewah dan senang-lenang). Maka, itulah tempat-tempat tinggal mereka terbiar tidak didiami orang sesudah mereka (dibinasakan), kecuali sedikit sahaja dan sesungguhnya Kamilah yang mewarisi mereka.”*

(Surah al-Qasas 28: 58)

Nama Al-Warith mendidik manusia agar tidak terlalu terikat dengan harta, kedudukan dan dunia yang bersifat sementara kerana semua yang dimiliki akhirnya akan kembali kepada Allah SWT.

⁴⁴ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 96-97.

⁴⁵ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 148.

98. Ar-Rashid (الرشيد) – Maha Memberi Petunjuk Kebenaran

Nama Ar-Rashid menunjukkan bahawa Allah membimbing makhluk kepada kebenaran dan kebijaksanaan dalam setiap ketetapan-Nya.

Kata Imam al-Khattabi, *“Ar-Rashid ialah yang membimbing makhluk kepada segala maslahat dan kebaikan mereka.”*⁴⁶

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“Ar-Rashid ialah yang segala tadbir-Nya berjalan menuju matlamatnya dengan penuh ketepatan dan kebenaran tanpa memerlukan tunjuk ajar daripada sesiapa tanpa bimbingan pembimbing dan tanpa petunjuk pemberi petunjuk. Dialah Allah SWT.”*⁴⁷

Firman Allah:

إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا
رَشَدًا

Maksudnya: *“(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa, ‘Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.’”*

(Surah al-Kahfi 18: 10)

Nama Ar-Rashid mendidik manusia agar meyakini bahawa segala ketentuan dan tadbir Allah sentiasa berjalan dengan penuh hikmah dan ketepatan walaupun manusia tidak segera memahami sebab dan tujuannya lantas mengajar seorang Mukmin agar sentiasa memohon petunjuk dalam membuat keputusan, memilih jalan hidup dan menghadapi kekeliruan.

⁴⁶ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 97.

⁴⁷ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 148.

99. As-Sabur (الصبور) – Maha Penyabar

Nama As-Sabur menunjukkan bahawa Allah Maha Sabar dalam menanggungkan hukuman walaupun hamba-Nya melakukan keingkaran.

Kata Imam al-Khattabi, *“As-Sabur ialah yang tidak segera menghukum orang-orang yang melakukan maksiat dengan pembalasan terhadap mereka, bahkan Dia menanggungkan hal itu hingga ke suatu tempoh yang telah ditetapkan dan memberi mereka kesempatan sehingga waktu yang diketahui.”*⁴⁸

Imam al-Ghazali pula menghuraikan, *“As-Sabur ialah yang tidak didorong oleh sifat tergesa-gesa untuk melakukan sesuatu sebelum waktunya. Bahkan Dia meletakkan segala urusan menurut kadar yang diketahui dan menjalankannya menurut aturan yang tertentu. Dia tidak melambatkannya daripada waktu yang telah ditetapkan kerana kelemahan atau kelalaian, dan tidak pula menyegerakannya sebelum waktunya kerana tergopoh-gapah. Bahkan Dia meletakkan setiap sesuatu pada waktunya dengan cara yang sepatutnya dan sebagaimana yang sewajarnya. Semua itu berlaku tanpa adanya dorongan yang memaksa kehendak-Nya atau menentanginya.”*⁴⁹

Firman Allah:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ اللَّهُ النَّاسَ بِمَا كَسَبُوا مَا تَرَكَ عَلَى ظَهْرِهَا مِنْ دَابَّةٍ وَلَكِنْ يُؤَخِّرُهُمْ
إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِ بَصِيرًا

Maksudnya: *“Dan kalaulah Allah mengirakan kesalahan manusia serta terus menyiksa mereka disebabkan amal-amal jahat yang mereka telah kerjakan, tentulah Ia tidak membiarkan tinggal di muka bumi sesuatu makhluk yang bergerak; akan tetapi (dia tidak bertindak dengan serta-merta, bahkan) Ia memberi tempoh kepada mereka hingga ke suatu masa yang tertentu; kemudian apabila sampai tempoh mereka (maka Allah akan*

⁴⁸ Sya'n al-Du'a', jil. 1, hlm. 97.

⁴⁹ Al-Maqsad al-Asna, hlm. 150.

membalas masing-masing dengan adilnya) kerana sesungguhnya Allah sentiasa Melihat keadaan hamba-hamba-Nya.”

(Surah Fatir 35: 45)

Daripada Abu Musa, Rasulullah SAW bersabda:

أَدَّى يَسْمَعُهُ مِنَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ. إِنَّهُ يُشْرِكُ بِهِ وَيُجْعَلُ لَهُ لَا أَحَدَ أَصْبِرُ عَلَى
الْوَلَدِ، ثُمَّ هُوَ يُعَافِيهِمْ وَيَرْزُقُهُمْ.

Maksudnya: “Tidak yang paling sabar terhadap gangguan yang didengarnya daripada Allah ‘Azzawajalla. Sesungguhnya Dia disekutukan dengan-Nya dan dijadikan bagi-Nya anak, kemudian Dia tetap memberi mereka kesihatan dan rezeki.”

(Riwayat Muslim, no. 2804)

Nama As-Sabur mendidik manusia agar memahami bahawa tidak semua perkara perlu berlaku segera dan dengan tergesa-gesa menurut kehendak dan waktu yang diinginkan manusia. Penghayatan terhadap nama ini membentuk jiwa yang matang dalam menunggu ketentuan Allah, tidak mudah kecewa apabila doa mahupun usaha belum makbul dan membuahkan hasil.

Penutup

Mempelajari 99 nama Allah merupakan usaha kita dalam menghafal dan memahami maksud nama-nama Allah yang mulia ini, bahkan merupakan suatu perjalanan untuk mengenal Allah sehingga menatijahkan pengabdian yang sebenar dan sejati. Asma' al-Husna merupakan salah satu pintu kepada pembinaan hati, pembentukan akhlak dan pengukuhan tauhid seorang Mukmin.

Begitulah dengan mempelajari nama-nama Allah ini, moga-moga kita akan lebih dekat dan kenal dengan Allah SWT, lantas memperkuat kebergantungan kita ini kepada Dia, Tuhan sekalian alam.

Kata Ibn Qayyim al-Jauziyyah:

وَكُلَّمَا كَانَ بِاللَّهِ أَعْرَفَ، كَانَ تَوَكُّلُهُ عَلَيْهِ أَقْوَى.

Maksudnya: *"Semakin seseorang itu mengenal Allah, semakin kuat tawakalnya kepada-Nya."*⁵⁰

Kata Imam al-Ghazali pula pada satu bab di dalam bukunya:

أَنَّ كَمَالَ الْعَبْدِ وَسَعَادَتَهُ فِي التَّخَلُّقِ بِأَخْلَاقِ اللَّهِ تَعَالَى وَالتَّحَلِّي بِمَعَانِي صِفَاتِهِ وَأَسْمَائِهِ بِقَدْرِ مَا يَتَصَوَّرُ فِي حَقِّهِ.

Maksudnya: *"Sesungguhnya kesempurnaan dan kebahagiaan seorang hamba terletak pada usaha berakhlak dengan akhlak Allah Taala serta menghiasi diri dengan makna sifat-sifat dan nama-nama-Nya, sekadar yang sesuai dan tergambar pada hak seorang hamba."*⁵¹

⁵⁰ *Madarij al-Salikin*, jil. 2, hlm. 125.

⁵¹ *Al-Maqsad al-Asna*, hlm. 45.

Oleh itu, modul ini diharapkan menjadi bahan pembelajaran yang juga menjadi tonggak kepada pembinaan jiwa murni seorang Muslim. Pengenalan kepada Asma' Allah adalah asas kepada pembinaan akhlak kerana akhlak yang benar lahir daripada pengenalan yang benar terhadap Tuhan.

Semoga dengan mempelajari Asma al-Husna ini melahirkan jiwa-jiwa manusia yang sentiasa hidup bersama Allah, lidah yang sentiasa basah menyebut nama-Nya, akal yang sentiasa merenungi kebesaran-Nya dan hati yang bergantung sepenuhnya kepada-Nya.

Semoga pembelajaran ini menjadikan kita lebih mengenal Allah, lebih mencintai-Nya, lebih takut untuk menderhakai-Nya dan lebih berharap kepada rahmat serta keampunan-Nya.

Semoga Allah menghimpunkan kita dalam kalangan hamba-hamba yang benar-benar hidup dengan cahaya Asmaul Husna dalam akidah, ibadah, akhlak dan seluruh kehidupan.

BAHAGIAN C: SENARAI RUJUKAN

Abu Abdillah al-Qurtubi, 1995. *Al-Asna fi Syarh Asma' Allah al-Husna wa Sifatih*. Cet.

1. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.

Abu Hamid al-Ghazali, 2003. *Al-Maqsad al-Asna fi Syarh Ma'ani Asma' al-Husna*. Cet.

1. Beirut: Dar Ibn Hazm dan Limassol: Al-Jaffan wa al-Jabi.

Abu Sulaiman al-Khattabi, 1992. *Sya'n ad-Du'a'*. Cet. 2. T.t.: Dar al-Thaqafah al-Arabiyyah.

Ibn al-Athir, 1979. *An-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.

Umar Sulaiman al-Asyqar, 2007. *Asma' Allah al-Husna*. Amman: Dar al-Nafa'is.

Yusuf al-Qaradawi, 2017. *Asma' Allah al-Husna*. T.t.: Al-Dar al-Syamiyyah dan al-Nadi al-Syababi.